



Kementerian Luar Negeri Malaysia

# PIAGAM ASEAN



Persatuan Negara Asia Tenggara





Kementerian Luar Negeri Malaysia

# PIAGAM ASEAN



Persatuan Negara Asia Tenggara





## **PEMBUKA BICARA DARIPADA MENTERI LUAR NEGERI MALAYSIA**

Alhamdulillah syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana Piagam ASEAN telah dapat diterjemahkan dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu. Usaha penterjemahan ini diharap akan memberi kelebihan kepada bahasa Melayu dari sudut pengkayaan bahasa ibunda disamping memberi manfaat yang lebih meluas kepada rakyat Malaysia khususnya dan rakyat Negara Asia Tenggara yang bahasa pertuturannya bahasa Melayu amnya yang ingin memahami dan mendalami Piagam tersebut.

Pemeteraian tandatangan pada Piagam ASEAN pada 20 November 2007 dan penguatkuasaan Piagam tersebut pada 15 Disember 2008 adalah merupakan detik-detik penting kepada ASEAN bagi merintis langkah ke hadapan di dalam membentuk satu Komuniti ASEAN yang diidam-idamkan menjelang tahun 2015.

Saya menaruh keyakinan tinggi bahawa inisiatif-inisiatif ASEAN berpandukan kepada Piagam yang telah dipersetujui akan dapat membuahkan

keamanan dan kestabilan di rantau ini. Disamping itu juga, ianya akan membentuk Negara-Negara Asia Tenggara yang bersatu, bekerjasama, dinamik, prihatin, mempunyai kredibiliti dan berketrampilan di pentas antarabangsa.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada pihak Institut Terjemahan Negara, Jabatan Peguam Negara dan semua yang terlibat dalam menjayakan usaha menterjemahkan Piagam ASEAN ke dalam bahasa Melayu ini.



**DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM**

25 Februari 2009



## **PERUTUSAN DARIPADA KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR NEGERI MALAYSIA**

Kesepakatan untuk mewujudkan Piagam ASEAN adalah merupakan satu sejarah penting bagi perkumpulan 10 Negara Anggota ASEAN.


Dengan berkuatkuasanya Piagam ASEAN pada 15 Disember 2008, ASEAN kini telah diperkukuh dengan badan-badan baru yang ditubuhkan di bawahnya. Salah satu daripadanya ialah Majlis Komuniti yang terdiri daripada Majlis Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN, Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN, dan Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN. Usaha gigih Negara Anggota ASEAN akan dapat menjayakan pembentukan komuniti ASEAN yang diharapkan menjelang tahun 2015.

Saya percaya kesepakatan kesemua Negara Anggota untuk melaksanakan Piagam ASEAN akan menjadikan wilayah ini sebuah rantau yang berkembang pesat dan lebih dinamik.


Terjemahan Piagam ASEAN dari bahasa Inggeris ke bahasa Melayu juga diharap dapat membantu menyumbang kearah merealisasikan hasrat

pembentukan komuniti ASEAN yang diingini. Dengan adanya terjemahan ini, usaha untuk mewujudkan kesedaran di peringkat nasional akan dapat dicapai.

Saya sukacita merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menghasilkan terjemahan versi bahasa Melayu Piagam ASEAN ini.



**TAN SRI RASTAM MOHD ISA**  
25 Februari 2009







Diterbitkan oleh:

**Kementerian Luar Negeri Malaysia**

Wisma Putra, No. 1,  
Jalan Wisma Putra, Presint 2,  
62602 PUTRAJAYA.

Tel : 603-8889 2858, 603-8887 4503

Faks : 603-8889 2855

Diterjemahkan oleh:

**Institut Terjemahan Negara Malaysia**

Wisma ITNM, No 2, Jalan 2/27E  
Seksyen 10, Wangsa Maju  
53300 Kuala Lumpur

Tel : 603-4149 7210

Faks : 603-4149 1535

E-mel : [info@itnm.com.my](mailto:info@itnm.com.my)

# PIAGAM ASEAN



Persatuan Negara Asia Tenggara



# **PIAGAM PERSATUAN NEGARA ASIA TENGGARA**

## **MUKADIMAH**

**KAMI, RAKYAT** Negara Anggota Persatuan Negara Asia Tenggara (ASEAN), sebagaimana yang diwakili oleh Ketua Negara atau Kerajaan Brunei Darussalam, Kerajaan Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam:

**MENGAMBIL MAKLUM** dengan kepuasan akan pencapaian dan perkembangan yang penting ASEAN sejak penubuhannya di Bangkok melalui pemasyhuran Perisytiharan ASEAN;

**MENGINGAT KEMBALI** keputusan untuk mewujudkan Piagam ASEAN dalam Program Bertindak Vientiane, Perisytiharan Kuala Lumpur mengenai Pewujudan Piagam ASEAN dan Perisytiharan Cebu mengenai Rangka Tindakan Piagam ASEAN;

**SEDAR** akan wujudnya kepentingan bersama dan kesalingbergantungan antara rakyat dan Negara

Anggota ASEAN yang terikat dengan geografi, matlamat bersama dan hala tuju yang sama;

**DILHAMKAN** oleh dan disatukan di bawah Satu Visi, Satu Identiti dan Satu Komuniti Penyayang dan Prihatin;

**DISATUKAN** oleh keinginan bersama dan kehendak kolektif untuk hidup di rantau yang aman, selamat dan stabil yang berkekalan serta mempunyai pertumbuhan ekonomi yang lestari, kemakmuran bersama dan kemajuan sosial, dan untuk memajukan kepentingan, cita-cita dan aspirasi utama kita;

**MENGHORMATI** kepentingan asasi bagi persahabatan dan kerjasama, dan prinsip kedaulatan, kesamarataan, keutuhan wilayah, tidak campur tangan, konsensus dan bersatu dalam kepelbagaian;

**MEMATUHI** prinsip demokrasi, rukun undang-undang dan tadbir urus yang baik, menghormati dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi;

**BERAZAM** untuk memastikan pembangunan yang lestari bagi manfaat generasi kini dan masa hadapan dan untuk mengutamakan kesejahteraan, kehidupan dan kebajikan rakyat dalam proses pembangunan komuniti ASEAN;

**YAKIN** mengenai keperluan untuk memperkukuh ikatan perpaduan serantau yang sedia ada bagi

mewujudkan suatu Komuniti ASEAN yang padu dari segi politik, berintegrasi dari segi ekonomi dan bertanggungjawab dari segi sosial supaya dapat bergerak balas secara berkesan terhadap cabaran dan peluang semasa dan masa hadapan;

**KOMITED** untuk memperhebat pembangunan komuniti melalui kerjasama dan integrasi serantau yang dipertingkat, khususnya melalui penubuhan Komuniti ASEAN yang terdiri daripada Komuniti Keselamatan ASEAN, Komuniti Ekonomi ASEAN dan Komuniti Sosio-Budaya ASEAN, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perisytiharan Persetujuan ASEAN II di Bali;

**DENGAN INI MEMBUAT KEPUTUSAN** untuk menubuhkan, melalui Piagam ini, rangka undang-undang dan institusi untuk ASEAN,

**DAN BAGI MENCAPAI MATLAMAT INI**, Ketua Negara atau Kerajaan Negara Anggota ASEAN, yang berhimpun di Singapura pada hari yang bersejarah bagi merayakan ulang tahun ke-40 penubuhan ASEAN, telah bersetuju dengan Piagam ini.

# **BAB I**

## **TUJUAN DAN PRINSIP**

### **PERKARA 1**

#### **TUJUAN**

Tujuan ASEAN adalah:

1. Untuk mengekalkan dan mempertingkatkan keamanan, keselamatan dan kestabilan dan selanjutnya untuk memperkukuh nilai yang berteraskan keamanan di rantau ini;
2. Untuk mempertingkat ketahanan serantau dengan menggalakkan kerjasama politik, keselamatan, ekonomi dan sosio-budaya yang lebih erat;
3. Untuk mengekalkan Asia Tenggara sebagai Zon Bebas Senjata Nuklear dan bebas daripada segala senjata pemusnah besar-besaran yang lain;
4. Untuk memastikan bahawa rakyat dan Negara Anggota ASEAN hidup dengan aman di kalangan rakyat seluruh dunia dalam persekitaran yang adil, demokratik dan penuh harmoni;
5. Untuk mewujudkan suatu pasaran dan pangkalan pusat pengeluaran tunggal yang stabil, makmur, berdaya saing dan berintegrasi dari segi ekonomi dengan kemudahan berkesan bagi perdagangan dan pelaburan yang dalamnya



wujud pengaliran bebas barangan, perkhidmatan dan pelaburan; memudahkan pergerakan ahli perniagaan, ahli profesional, bakat dan tenaga kerja; dan aliran modal yang lebih bebas;

6. Untuk mengurangkan kemiskinan dan merapatkan jurang pembangunan dalam ASEAN melalui bantuan bersama dan kerjasama;

7. Untuk memperkukuh demokrasi, meningkatkan tadbir urus yang baik dan rukun undang-undang, dan untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia dan kebebasan asasi dengan mengambil kira hak dan tanggungjawab Negara Anggota ASEAN;

8. Untuk bergerak balas secara berkesan, mengikut prinsip keselamatan yang menyeluruh, terhadap segala bentuk ancaman, jenayah rentas negara dan cabaran rentas sempadan;

9. Untuk menggalakkan pembangunan yang lestari supaya dapat memastikan alam sekitar ini dilindungi, kelestarian sumber aslinya, dilestarikan warisan budaya dan kualiti hidup penduduknya yang tinggi dipelihara;

10. Untuk membangunkan sumber manusia melalui kerjasama yang lebih erat dalam bidang pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat, dan dalam bidang sains dan teknologi, bagi memperkasakan rakyat ASEAN dan bagi memantapkan Komuniti ASEAN;

11. Untuk meningkatkan kesejahteraan dan kehidupan rakyat ASEAN dengan memberikan mereka peluang yang saksama bagi pembangunan modal insan, kebajikan sosial dan keadilan;

12. Untuk memperkukuh kerjasama dalam membina persekitaran yang selamat, terjamin dan bebas daripada dadah untuk rakyat ASEAN;

13. Untuk memajukan ASEAN yang berorientasikan rakyat yang dalamnya kesemua sektor masyarakat digalakkan untuk turut serta dalam, dan memperoleh manfaat daripada, proses integrasi dan pembangunan komuniti ASEAN;

14. Untuk memajukan suatu identiti ASEAN melalui perangsangan kesedaran yang lebih besar terhadap kepelbagaian budaya dan warisan rantau ini; dan

15. Untuk mengekalkan keutamaan dan peranan proaktif ASEAN sebagai daya penggerak utama dalam hubungan dan kerjasamanya dengan rakan kongsi luar dalam seni bina serantau yang terbuka, telus dan menyeluruh.

## **PERKARA 2 PRINSIP**

1. Bagi mencapai Tujuan yang dinyatakan dalam Perkara 1, ASEAN dan Negara Anggotanya mengesahkan dan mematuhi prinsip asasi yang terkandung dalam perisytiharan, perjanjian,

konvensyen, persetujuan, triti dan surat cara ASEAN yang lain;

2. ASEAN dan Negara Anggotanya hendaklah bertindak mengikut Prinsip yang berikut:

- (a) menghormati kemerdekaan, kedaulatan, kesamarataan, keutuhan wilayah dan identiti nasional kesemua Negara Anggota ASEAN;
- (b) komitmen bersama dan tanggungjawab kolektif dalam meningkatkan keamanan, keselamatan dan kemakmuran serantau;
- (c) menolak pencerobohan dan ancaman atau penggunaan kekerasan atau perbuatan lain dengan apa jua cara yang tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa;
- (d) pergantungan pada penyelesaian pertikaian secara aman dan damai;
- (e) tidak campur tangan dalam hal ehwal dalaman Negara Anggota ASEAN;
- (f) menghormati hak tiap-tiap Negara Anggota untuk memerintah negaranya sendiri bebas daripada campur tangan luar, perbuatan subversif dan paksaan;
- (g) meningkatkan perundingan tentang perkara yang menjejaskan secara seriusnya kepentingan bersama ASEAN;

- (h) mematuhi rukun undang-undang, tadbir urus yang baik, prinsip demokrasi dan kerajaan berperlembagaan;
- (i) menghormati kebebasan asasi, menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia dan menggalakkan keadilan sosial;
- (j) mendukung Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu dan undang-undang antarabangsa, termasuk undang-undang kemanusiaan antarabangsa yang dipegang oleh Negara Anggota ASEAN;
- (k) mengelak daripada turut serta dalam apa jua dasar atau aktiviti, termasuk penggunaan wilayahnya, yang dijalankan oleh mana-mana Negara Anggota ASEAN atau Negara Bukan ASEAN atau mana-mana pelaku bukan Negara, yang mengancam kedaulatan, keutuhan wilayah atau kestabilan politik dan ekonomi Negara Anggota ASEAN;
- (l) menghormati budaya, bahasa dan agama rakyat ASEAN yang berlainan, sambil menitikberatkan nilai bersamanya berdasarkan semangat kesatuan dalam kepelbagaian;
- (m) keutamaan ASEAN dalam politik, ekonomi, perhubungan sosial dan budaya luaran sambil kekal melibatkan diri secara

aktif, memandang keluar, yang bersifat menyeluruh dan tidak mengamalkan diskriminasi; dan

- (n) mematuhi peraturan perdagangan pelbagai pihak dan rejim berasaskan peraturan ASEAN bagi melaksanakan secara berkesan komitmen ekonomi dan pengurangan secara beransur-ansur ke arah penghapusan segala sekatan terhadap integrasi ekonomi serantau dalam ekonomi yang berteraskan pasaran.

## **BAB II KEPERIBADIAN UNDANG-UNDANG**

### **PERKARA 3 KEPERIBADIAN UNDANG-UNDANG ASEAN**

ASEAN, sebagai suatu organisasi antara kerajaan, dengan ini diberikan keperibadian undang-undang.

## **BAB III KEANGGOTAAN**

### **PERKARA 4 NEGARA ANGGOTA**

Negara Anggota ASEAN ialah Brunei Darussalam, Kerajaan Kemboja, Republik Indonesia, Republik Demokratik Rakyat Lao, Malaysia, Kesatuan Myanmar, Republik Filipina, Republik Singapura, Kerajaan Thailand dan Republik Sosialis Viet Nam.

### **PERKARA 5 HAK DAN OBLIGASI**

1. Negara Anggota hendaklah mempunyai hak dan obligasi yang sama di bawah Piagam ini.
2. Negara Anggota hendaklah mengambil segala langkah yang perlu, termasuk memperbuat perundangan domestik yang berkenaan, bagi melaksanakan peruntukan Piagam ini dengan berkesan dan untuk mematuhi segala obligasi keanggotaan.
3. Dalam kes apabila berlakunya suatu pelanggaran serius terhadap Piagam ini atau ketidakpatuhan, maka perkara itu hendaklah dirujuk kepada Perkara 20.

## **PERKARA 6 PENERIMAAN MASUK ANGGOTA BARU**

1. Tatacara bagi permohonan dan penerimaan masuk ke dalam ASEAN hendaklah ditetapkan oleh Majlis Penyelarasan ASEAN.
2. Penerimaan masuk hendaklah berasaskan kriteria yang berikut:
  - (a) lokasi di dalam rantau geografi Asia Tenggara yang diiktiraf;
  - (b) pengiktirafan oleh kesemua Negara Anggota ASEAN;
  - (c) persetujuan untuk terikat dengan dan mematuhi Piagam; dan
  - (d) keupayaan dan kesediaan untuk menjalankan obligasi sebagai Anggota.
3. Penerimaan masuk hendaklah diputuskan secara konsensus oleh Sidang Kemuncak ASEAN, atas syor Majlis Penyelarasan ASEAN.
4. Negara pemohon hendaklah diterima masuk ke dalam ASEAN setelah Negara Pemohon itu menandatangani Surat Ikatan Kesertaan kepada Piagam.

## **BAB IV BADAN**

### **PERKARA 7 SIDANG KEMUNCACK ASEAN**

1. Sidang Kemuncack ASEAN hendaklah terdiri daripada Ketua Negara atau Kerajaan Negara Anggota.
2. Sidang Kemuncack ASEAN hendaklah:
  - (a) menjadi badan pembuat dasar ASEAN yang utama;
  - (b) membuat pertimbangan, mengadakan garis panduan dasar dan membuat keputusan tentang isu penting mengenai pelaksanaan objektif ASEAN, perkara kepentingan Negara Anggota ASEAN dan segala isu yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Penyelarasan ASEAN, Majlis Komuniti ASEAN dan Badan Menteri Sektor ASEAN;
  - (c) mengarahkan Menteri yang berkenaan dalam setiap Majlis yang berkenaan supaya mengadakan mesyuarat ad hoc antara Menteri, dan menangani isu penting berhubung dengan ASEAN yang merentasi Majlis Komuniti. Peraturan tatacara bagi mesyuarat itu hendaklah diterima pakai oleh Majlis Penyelarasan ASEAN;



- (d) menangani keadaan darurat yang melibatkan ASEAN dengan mengambil langkah yang sewajarnya;
- (e) membuat keputusan tentang perkara yang dirujuk kepadanya di bawah Bab VII dan VIII;
- (f) membenarkan penubuhan dan pembubaran Badan Menteri Sektor dan Institusi ASEAN yang lain; dan
- (g) melantik Setiausaha Agung ASEAN, yang berpangkat dan berstatus Menteri, yang akan berkhidmat atas kepercayaan dan perkenan Ketua Negara atau Kerajaan atas syor Mesyuarat Menteri Luar ASEAN.

3. Mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN hendaklah:

- (a) diadakan dua kali setahun, dan Negara Anggota yang memegang jawatan Pengerusi ASEAN hendaklah menjadi tuan rumah; dan
- (b) diadakan, apabila perlu, sebagai mesyuarat khas atau ad hoc yang hendaklah dipengerusikan oleh Negara Anggota yang memegang jawatan Pengerusi ASEAN, di tempat yang dipersetujui oleh Negara Anggota ASEAN.

## **PERKARA 8**

### **MAJLIS PENYELARASAN ASEAN**

1. Majlis Penyelarasan ASEAN hendaklah terdiri daripada Menteri Luar ASEAN dan bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun.
  
2. Majlis Penyelarasan ASEAN hendaklah:
  - (a) menyediakan mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN;
  - (b) menyelaraskan pelaksanaan perjanjian dan keputusan Sidang Kemuncak ASEAN;
  - (c) membuat penyelarasan dengan Majlis Komuniti ASEAN untuk mempertingkatkan kepaduan dasar, kecekapan dan kerjasama di kalangan mereka;
  - (d) menyelaraskan laporan Majlis Komuniti ASEAN untuk dikemukakan kepada Sidang Kemuncak ASEAN;
  - (e) mempertimbangkan laporan tahunan Setiausaha Agung tentang kerja ASEAN;
  - (f) mempertimbangkan laporan Setiausaha Agung tentang fungsi dan operasi Sekretariat ASEAN dan badan lain yang berkaitan;
  - (g) meluluskan pelantikan dan penamatan perkhidmatan Timbalan Setiausaha Agung atas syor Setiausaha Agung; dan

- (h) menjalankan tugas lain yang diperuntukkan dalam Piagam ini atau apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh diperuntukkan oleh Sidang Kemuncak ASEAN.
3. Majlis Penyelarasan ASEAN hendaklah disokong oleh pegawai kanan yang berkenaan.

## **PERKARA 9 MAJLIS KOMUNITI ASEAN**

1. Majlis Komuniti ASEAN hendaklah terdiri daripada Majlis Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN, Majlis Komuniti Ekonomi ASEAN, dan Majlis Komuniti Sosio-Budaya ASEAN.
2. Setiap Majlis Komuniti ASEAN hendaklah mempunyai Badan Menteri Sektor ASEAN yang berkaitan di bawah skopnya.
3. Setiap Negara Anggota hendaklah menamakan wakil negaranya bagi setiap mesyuarat Majlis Komuniti ASEAN.
4. Bagi mencapai objektif setiap tiga tunggak Komuniti ASEAN, setiap Majlis Komuniti ASEAN hendaklah:
  - (a) memastikan pelaksanaan keputusan Sidang Kemuncak ASEAN yang berkaitan;
  - (b) menyelaraskan kerja sektor yang berlainan

di bawah skopnya, dan tentang isu yang merentasi Majlis Komuniti yang lain; dan

- (c) mengemukakan laporan dan syor kepada Sidang Kemuncak ASEAN tentang perkara di bawah skopnya.

5. Setiap Majlis Komuniti ASEAN hendaklah bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun dan hendaklah dipengerusikan oleh Menteri yang berkenaan daripada Negara Anggota yang memegang jawatan Pengerusi ASEAN.

6. Setiap Majlis Komuniti ASEAN hendaklah disokong oleh pegawai kanan yang berkaitan.

## **PERKARA 10 BADAN MENTERI SEKTOR ASEAN**

1. Badan Menteri Sektor ASEAN hendaklah:
  - (a) berfungsi mengikut mandat yang diwujudkan masing-masing;
  - (b) melaksanakan perjanjian dan keputusan Sidang Kemuncak ASEAN di bawah skop masing-masing;
  - (c) memperkukuh kerjasama dalam bidang masing-masing bagi menyokong integrasi dan pembangunan Komuniti ASEAN; dan
  - (d) mengemukakan laporan dan syor kepada

Majlis Komuniti masing-masing.

2. Setiap Badan Menteri Sektor ASEAN boleh mempunyai pegawai kanan dan badan subsidiari yang berkaitan di bawah skopnya untuk menjalankan fungsinya sebagaimana yang terkandung dalam Lampiran 1. Lampiran itu boleh dikemaskinikan oleh Setiausaha Agung ASEAN atas syor Jawatankuasa Wakil Tetap tanpa menggunakan peruntukan tentang Pindaan di bawah Piagam ini.

## **PERKARA 11 SETIAUSAHA AGUNG ASEAN DAN SEKRETARIAT ASEAN**

1. Setiausaha Agung ASEAN hendaklah dilantik oleh Sidang Kemuncak ASEAN bagi tempoh jawatan selama lima tahun yang tidak boleh diperbaharui, dipilih dari kalangan rakyat Negara Anggota ASEAN berdasarkan giliran mengikut abjad, dengan pertimbangan yang sewajarnya diberikan kepada integriti, kebolehan dan pengalaman profesional, dan kesamarataan jantina.

2. Setiausaha Agung hendaklah:

- (a) menjalankan kewajipan dan tanggungjawab jawatan tinggi ini mengikut peruntukan Piagam ini dan surat cara, protokol dan amalan tetap ASEAN yang berkenaan;

- (b) memudahkan dan memantau kemajuan dalam melaksanakan perjanjian dan keputusan ASEAN, dan mengemukakan laporan tahunan tentang kerja ASEAN kepada Sidang Kemuncak ASEAN;
- (c) mengambil bahagian dalam mesyuarat Sidang Kemuncak ASEAN, Majlis Komuniti ASEAN, Majlis Penyelarasan ASEAN, dan Badan Menteri Sektor ASEAN serta mesyuarat ASEAN lain berkenaan;
- (d) mengemukakan pandangan ASEAN dan mengambil bahagian dalam mesyuarat yang diadakan dengan pihak luar mengikut garis panduan dasar yang diluluskan dan mandat yang diberikan kepada Setiausaha Agung; dan
- (e) mengesyorkan pelantikan dan penamatan perkhidmatan Timbalan Setiausaha Agung kepada Majlis Penyelarasan ASEAN untuk kelulusan.

3. Setiausaha Agung hendaklah juga menjadi Ketua Pegawai Pentadbir ASEAN.

4. Setiausaha Agung hendaklah dibantu oleh empat orang Timbalan Setiausaha Agung dengan pangkat dan status Timbalan Menteri. Timbalan Setiausaha Agung hendaklah bertanggungjawab kepada Setiausaha Agung dalam menjalankan fungsi mereka.

5. Keempat-empat Timbalan Setiausaha Agung hendaklah berlainan kerakyatannya daripada Setiausaha Agung dan hendaklah berasal dari empat Negara Anggota ASEAN yang berlainan.

6. Keempat-empat Timbalan Setiausaha Agung hendaklah terdiri daripada:

- (a) dua orang Timbalan Setiausaha Agung yang akan berkhidmat selama satu tempoh tiga tahun yang tidak boleh diperbaharui, dipilih dari kalangan rakyat Negara Anggota ASEAN berdasarkan giliran mengikut abjad, dengan mengambil kira integriti, kelayakan, kecekapan, pengalaman dan kesamarataan jantina; dan
- (b) dua orang Timbalan Setiausaha Agung yang akan berkhidmat selama satu tempoh tiga tahun, yang boleh diperbaharui selama tiga tahun lagi. Kedua-dua Timbalan Setiausaha Agung ini hendaklah diambil ke Jawatan itu secara terbuka berdasarkan merit.

7. Sekretariat ASEAN hendaklah terdiri daripada Setiausaha Agung dan apa-apa bilangan kakitangan sebagaimana yang dikehendaki.

8. Setiausaha Agung dan kakitangannya hendaklah:

- (a) mempunyai tahap integriti, kecekapan dan kekompetenan yang paling tinggi dalam

- melaksanakan kewajipan mereka;
- (b) tidak boleh meminta atau menerima arahan daripada mana-mana kerajaan atau pihak lain di luar ASEAN; dan
  - (c) mengelak daripada melakukan apa-apa tindakan yang mungkin menjejaskan kedudukan mereka sebagai pegawai Sekretariat yang bertanggungjawab hanya kepada ASEAN sahaja.

9. Setiap Negara Anggota ASEAN mengaku janji untuk menghormati ciri ASEAN yang eksklusif berhubung dengan tanggungjawab Setiausaha Agung dan kakitangannya, dan tidak cuba untuk mempengaruhi mereka dalam menunaikan kewajipan mereka.

## **PERKARA 12 JAWATANKUASA WAKIL TETAP ASEAN**

1. Setiap Negara Anggota ASEAN hendaklah melantik seorang Wakil Tetap ASEAN dengan pangkat Duta Besar yang berpangkalan di Jakarta.
2. Wakil Tetap ini secara kolektif membentuk suatu Jawatankuasa Wakil Tetap, yang hendaklah:
  - (a) menyokong kerja Majlis Komuniti ASEAN dan Badan Menteri Sektor ASEAN;



- (b) membuat penyelarasan dengan Sekretariat Kebangsaan ASEAN dan Badan Menteri Sektor ASEAN yang lain;
- (c) berhubung dengan Setiausaha Agung ASEAN dan Sekretariat ASEAN tentang segala hal perkara yang berkaitan dengan kerjanya;
- (d) memudahkan kerjasama ASEAN dengan rakan kongsi luar; dan
- (e) melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Majlis Penyelarasan ASEAN.

### **PERKARA 13**

#### **SEKRETARIAT KEBANGSAAN ASEAN**

Setiap Negara Anggota ASEAN hendaklah menubuhkan suatu Sekretariat Kebangsaan ASEAN yang hendaklah:

- (a) berfungsi sebagai tempat tumpuan kebangsaan;
- (b) menjadi wadah maklumat tentang segala perkara ASEAN di peringkat kebangsaan;
- (c) menyelaraskan pelaksanaan keputusan ASEAN di peringkat kebangsaan;
- (d) menyelaraskan dan menyokong penyediaan mesyuarat ASEAN peringkat kebangsaan;

- (e) memajukan identiti dan kesedaran ASEAN di peringkat kebangsaan; dan
- (f) menyumbang kepada pembangunan komuniti ASEAN.

#### **PERKARA 14**

#### **BADAN HAK ASASI MANUSIA ASEAN**

1. Selaras dengan tujuan dan prinsip Piagam ASEAN yang berhubungan dengan penggalakan dan perlindungan hak asasi manusia dan kebebasan asasi, ASEAN hendaklah menubuhkan suatu badan hak asasi manusia ASEAN.
2. Badan hak asasi manusia ASEAN ini hendaklah beroperasi mengikut terma rujukan yang ditentukan oleh Mesyuarat Menteri Luar ASEAN.

#### **PERKARA 15**

#### **YAYASAN ASEAN**

1. Yayasan ASEAN hendaklah menyokong Setiausaha Agung ASEAN dan bekerjasama dengan badan ASEAN yang berkaitan untuk menyokong pembangunan komuniti ASEAN dengan memupuk kesedaran yang lebih besar tentang identiti ASEAN, interaksi antara insan, dan kerjasama erat di kalangan sektor perniagaan, masyarakat awam, alam akademik dan pihak lain yang berkepentingan dalam ASEAN.

2. Yayasan ASEAN hendaklah bertanggungjawab kepada Setiausaha Agung ASEAN, yang hendaklah mengemukakan laporannya kepada Sidang Kemuncak ASEAN melalui Majlis Penyelarasan ASEAN.

## **BAB V**

### **ENTITI YANG BERKAITAN DENGAN ASEAN**

#### **PERKARA 16**

#### **ENTITI YANG BERKAITAN DENGAN ASEAN**

1. ASEAN boleh berurusan dengan entiti yang menyokong Piagam ASEAN, khususnya tujuan dan prinsipnya. Entiti yang berkaitan ini ada disenaraikan dalam Lampiran 2.
2. Peraturan tatacara dan kriteria untuk berurusan ini hendaklah ditetapkan oleh Jawatankuasa Wakil Tetap atas syor Setiausaha Agung ASEAN.
3. Lampiran 2 boleh dikemaskinikan oleh Setiausaha Agung ASEAN atas syor Jawatankuasa Wakil Tetap tanpa menggunakan peruntukan Pindaan di bawah Piagam ini.

## **BAB VI KEKEBALAN DAN KEISTIMEWAAN**

### **PERKARA 17 KEKEBALAN DAN KEISTIMEWAAN ASEAN**

1. ASEAN boleh menikmati, di wilayah Negara Anggota, kekebalan dan keistimewaan sebagaimana yang perlu bagi pelaksanaan tujuannya.
2. Kekebalan dan keistimewaan itu hendaklah ditetapkan dalam perjanjian yang berasingan antara ASEAN dengan Negara Anggota yang menjadi tuan rumah.

### **PERKARA 18 KEKEBALAN DAN KEISTIMEWAAN SETIAUSAHA AGUNG ASEAN DAN KAKITANGAN SEKRETARIAT ASEAN**

1. Setiausaha Agung ASEAN dan kakitangan Sekretariat ASEAN yang turut serta dalam aktiviti rasmi ASEAN atau mewakili ASEAN di Negara Anggota hendaklah menikmati kekebalan dan keistimewaan sebagaimana yang perlu bagi menjalankan fungsi mereka dengan bebas.
2. Kekebalan dan keistimewaan di bawah Perkara ini hendaklah ditetapkan dalam perjanjian ASEAN yang berasingan.

**PERKARA 19**  
**KEKEBALAN DAN KEISTIMEWAAN WAKIL**  
**TETAP DAN PEGAWAI YANG MENJALANKAN**  
**KEWAJIPAN ASEAN**

1. Wakil Tetap Negara Anggota ASEAN dan pegawai Negara Anggota yang turut serta dalam aktiviti rasmi ASEAN atau mewakili ASEAN di Negara Anggota hendaklah menikmati kekebalan dan keistimewaan sebagaimana yang perlu bagi menjalankan fungsi mereka.
2. Kekebalan dan keistimewaan Wakil Tetap dan pegawai yang menjalankan kewajipan ASEAN hendaklah tertakluk di bawah Konvensyen Vienna 1961 tentang Perhubungan Diplomatik atau mengikut undang-undang negara bagi Negara Anggota ASEAN yang berkenaan.

**BAB VII**  
**MEMBUAT KEPUTUSAN**

**PERKARA 20**  
**PERUNDINGAN DAN KONSENSUS**

1. Sebagai prinsip asas, membuat keputusan dalam ASEAN hendaklah berdasarkan perundingan dan konsensus.
2. Jika konsensus tidak dapat dicapai, Sidang Kemuncak ASEAN boleh memutuskan keputusan

tentang bagaimana sesuatu keputusan tertentu boleh dibuat.

3. Tiada apa jua pun dalam perenggan 1 dan 2 Perkara ini yang boleh menyentuh cara membuat keputusan sebagaimana yang terkandung dalam surat cara undang-undang ASEAN yang berkenaan.

4. Dalam hal pelanggaran Piagam atau ketidakpatuhan yang serius, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Sidang Kemuncak ASEAN untuk mendapatkan keputusan.

## **PERKARA 21 PELAKSANAAN DAN TATACARA**

1. Setiap Majlis Komuniti ASEAN hendaklah menetapkan peraturan tataranya sendiri.

2. Dalam melaksanakan komitmen ekonomi, suatu formula bagi penyertaan yang fleksibel, termasuk formula ASEAN Tolak X, boleh dipakai jika terdapat konsensus untuk berbuat demikian.

## **BAB VIII PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

### **PERKARA 22 PRINSIP AM**

1. Negara Anggota hendaklah berusaha untuk menyelesaikan segala pertikaian secara aman damai dan mengikut masa yang berpatutan melalui dialog, perundingan dan runding bicara.
2. ASEAN hendaklah mewujudkan dan menyelenggarakan mekanisme penyelesaian pertikaian dalam semua bidang kerjasama ASEAN.

### **PERKARA 23 JASA BAIK, PERDAMAIAN DAN PENGANTARAAN**

1. Negara Anggota yang menjadi pihak kepada sesuatu pertikaian boleh pada bila-bila masa bersetuju untuk menggunakan jasa baik, perdamaian atau pengantaraan bagi menyelesaikan pertikaian itu dalam had masa yang dipersetujui.
2. Pihak kepada pertikaian itu boleh meminta Pengerusi ASEAN atau Setiausaha Agung ASEAN, yang bertindak atas sifat *ex-officio*, untuk memberikan jasa baik, perdamaian atau pengantaraan.

## **PERKARA 24**

### **MEKANISME PENYELESAIAN PERTIKAIAN DALAM SURAT CARA KHUSUS**

1. Pertikaian yang berhubungan dengan surat cara ASEAN yang khusus hendaklah diselesaikan melalui mekanisme dan tatacara yang diperuntukkan dalam surat cara yang berkenaan.
  
2. Pertikaian yang tidak berkaitan dengan tafsiran atau pemakaian mana-mana surat cara ASEAN hendaklah diselesaikan secara aman damai mengikut Triti Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara dan peraturan tatacaranya.
  
3. Jika tidak diperuntukkan selainnya secara khusus pertikaian yang berkaitan dengan tafsiran atau pemakaian perjanjian ekonomi ASEAN hendaklah diselesaikan mengikut Protokol ASEAN tentang Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Yang Dipertingkatkan.

## **PERKARA 25**

### **PEWUJUDAN MEKANISME PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

Jika tidak diperuntukkan selainnya secara khusus, mekanisme penyelesaian pertikaian yang sesuai, termasuk timbang tara, hendaklah diwujudkan untuk pertikaian yang berkaitan dengan tafsiran atau pemakaian Piagam ini dan surat cara ASEAN yang lain.



## **PERKARA 26 PERTIKAIAN YANG TIDAK DAPAT DISELESAIKAN**

Apabila sesuatu pertikaian masih tidak dapat diselesaikan, selepas pemakaian peruntukan terdahulu Bab ini, maka pertikaian ini hendaklah dirujuk kepada Sidang Kemuncak ASEAN untuk mendapat keputusannya.

## **PERKARA 27 PEMATUHAN**

1. Setiausaha Agung ASEAN, yang dibantu oleh Sekretariat ASEAN atau mana-mana badan ASEAN lain yang ditetapkan, hendaklah memantau pematuhan dapatan, syor atau keputusan yang terhasil daripada mekanisme penyelesaian pertikaian ASEAN, dan mengemukakan laporan kepada Sidang Kemuncak ASEAN.
  
2. Mana-mana Negara Anggota yang terjejas akibat ketidakpatuhan terhadap dapatan, syor atau keputusan yang terhasil daripada mekanisme penyelesaian pertikaian ASEAN, bolehlah merujuk perkara itu kepada Sidang Kemuncak ASEAN untuk mendapatkan keputusan.

**PERKARA 28**  
**PERUNTUKAN PIAGAM BANGSA-BANGSA**  
**BERSATU DAN TATACARA ANTARABANGSA**  
**LAIN YANG BERKAITAN**

Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Piagam ini, Negara Anggota mempunyai hak untuk menggunakan kaedah penyelesaian secara aman damai yang terkandung dalam Perkara 33(1) Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu atau mana-mana surat cara undang-undang antarabangsa yang lain yang Negara Anggota yang bertikai itu menjadi pihak kepadanya.

**BAB IX**  
**BELANJAWAN DAN KEWANGAN**

**PERKARA 29**  
**PRINSIP AM**

1. ASEAN hendaklah mewujudkan peraturan dan tatacara kewangan mengikut standard antarabangsa.
2. ASEAN hendaklah mematuhi dasar dan amalan pengurusan kewangan yang baik dan disiplin belanjawan yang baik.
3. Akaun kewangan hendaklah tertakluk kepada audit dalaman dan luar.

## **PERKARA 30**

### **BELANJAWAN PENGENDALIAN DAN KEWANGAN SEKRETARIAT ASEAN**

1. Sekretariat ASEAN hendaklah diperuntukkan dengan sumber kewangan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsinya secara berkesan.
2. Belanjawan pengendalian Sekretariat ASEAN hendaklah ditanggung oleh Negara Anggota ASEAN melalui sumbangan tahunan yang sama banyak yang hendaklah diremitkan dalam masa yang sepatutnya.
3. Setiausaha Agung hendaklah menyediakan belanjawan pengendalian tahunan bagi Sekretariat ASEAN untuk diluluskan oleh Majlis Penyelarasan ASEAN atas syor Jawatankuasa Wakil Tetap.
4. Sekretariat ASEAN hendaklah dikendalikan mengikut peraturan dan tatacara kewangan yang ditentukan oleh Majlis Penyelarasan ASEAN atas syor Jawatankuasa Wakil Tetap.

## **BAB X PENTADBIRAN DAN TATACARA**

### **PERKARA 31 PENGERUSI ASEAN**

1. Jawatan Pengerusi ASEAN hendaklah digilirkan setiap tahun, berdasarkan susunan abjad bagi nama Negara Anggota dalam bahasa Inggeris.
2. ASEAN hendaklah mempunyai, dalam suatu tahun kalendar, seorang Pengerusi yang melaluinya Negara Anggota yang memegang jawatan sebagai Pengerusi mempengerusikan:
  - (a) Sidang Kemuncak ASEAN dan sidang kemuncak yang berkaitan;
  - (b) Majlis Penyelarasan ASEAN;
  - (c) ketiga-tiga Majlis Komuniti ASEAN;
  - (d) jika berkenaan, Badan Menteri Sektor ASEAN dan pegawai kanan yang berkaitan; dan
  - (e) Jawatankuasa Wakil Tetap.

### **PERKARA 32 PERANAN PENGERUSI ASEAN**

Negara Anggota yang memegang jawatan Pengerusi ASEAN hendaklah:

- (a) memajukan dan meningkatkan kepentingan dan kesejahteraan ASEAN secara aktif, termasuk usaha untuk membangunkan suatu Komuniti ASEAN melalui inisiatif dasar, penyelarasan, konsensus dan kerjasama;
- (b) memastikan keutamaan ASEAN;
- (c) memastikan suatu gerak balas yang berkesan dan menepati masa terhadap isu segera atau keadaan krisis yang melibatkan ASEAN, termasuk menggunakan jasa baik dan apa-apa perkiraan yang lain bagi menangani hal yang berkenaan dengan serta-merta;
- (d) mewakili ASEAN dalam usaha memperkukuh dan menggalakkan hubungan yang lebih erat dengan rakan kongsi luar; dan
- (e) menjalankan apa-apa tugas dan fungsi lain sebagaimana yang dimandatkan.

### **PERKARA 33**

#### **PROTOKOL DAN AMALAN DIPLOMATIK**

ASEAN dan Negara Anggotanya hendaklah mematuhi protokol dan amalan diplomatik yang sedia ada dalam menjalankan segala aktiviti yang berhubungan dengan ASEAN. Apa-apa perubahan hendaklah diluluskan oleh Majlis Penyelarasan ASEAN atas syor Jawatankuasa Wakil Tetap.

## **PERKARA 34 BAHASA KERJA ASEAN**

Bahasa kerja ASEAN ialah bahasa Inggeris.

## **BAB XI IDENTITI DAN LAMBANG**

### **PERKARA 35 IDENTITI ASEAN**

ASEAN hendaklah memajukan identiti ASEAN bersama dan semangat kekitaan di kalangan rakyatnya bagi mencapai hala tujuan, matlamat dan nilai yang dikongsinya bersama.

### **PERKARA 36 COGAN KATA ASEAN**

Cogan kata ASEAN ialah: “Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti”.

### **PERKARA 37 BENDERA ASEAN**

Bendera ASEAN adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 3.

## **PERKARA 38 LAMBAANG ASEAN**

Lambang ASEAN adalah seperti yang ditunjukkan dalam Lampiran 4.

## **PERKARA 39 HARI ASEAN**

Lapan hari bulan Ogos hendaklah diraikan sebagai Hari ASEAN.

## **PERKARA 40 LAGU KEBANGSAAN ASEAN**

ASEAN hendaklah mempunyai suatu lagu kebangsaan.

## **BAB XII HUBUNGAN LUAR**

### **PERKARA 41 PENJALANAN HUBUNGAN LUAR**

1. ASEAN hendaklah menggalakkan hubungan persahabatan dan dialog yang memberikan manfaat bersama, kerjasama dan perkongsian dengan negara dan organisasi dan institusi subrantau, serantau dan antarabangsa.

2. Hubungan luar ASEAN hendaklah mematuhi tujuan dan prinsip yang ditetapkan dalam Piagam ini.
3. ASEAN hendaklah menjadi daya penggerak utama dalam perkiraan serantau yang dimulakannya dan mengekalkan keutamaannya dalam kerjasama dan pembangunan komuniti serantau.
4. Dalam menjalankan hubungan luar ASEAN, Negara Anggota hendaklah, berdasarkan kesatuan dan perpaduan, menyelaraskan dan berusaha untuk mewujudkan pendirian bersama dan berusaha untuk melakukan tindakan bersama.
5. Arah dasar strategik hubungan luar ASEAN hendaklah ditetapkan Sidang Kemuncak ASEAN atas syor Mesyuarat Menteri Luar ASEAN.
6. Mesyuarat Menteri Luar ASEAN hendaklah memastikan keselarasan dan kepaduan dalam menjalankan hubungan luar ASEAN.
7. ASEAN boleh membuat perjanjian dengan negara atau organisasi dan institusi subrantau, serantau dan antarabangsa. Tatacara bagi membuat perjanjian itu hendaklah ditetapkan oleh Majlis Penyelarasan ASEAN setelah berunding dengan Majlis Komuniti ASEAN.



## **PERKARA 42 PENYELARAS DIALOG**

1. Negara Anggota, yang bertindak sebagai Negara Penyelaras, hendaklah secara bergilir mengambil tanggungjawab menyeluruh dalam menyelaraskan dan menggalakkan kepentingan ASEAN dalam hubungannya dengan Rakan Kongsi Dialog, organisasi dan institusi serantau dan antarabangsa yang berkenaan.
  
2. Dalam hubungan dengan rakan kongsi luar itu, Negara Penyelaras hendaklah, antara lain:
  - (a) mewakili ASEAN dan mempertingkatkan hubungan berdasarkan penghormatan dan kesamarataan bersama, selaras dengan prinsip ASEAN;
  - (b) menjadi pengerusi bersama bagi mesyuarat yang berkaitan antara ASEAN dengan rakan kongsi luar; dan
  - (c) disokong oleh Jawatankuasa ASEAN yang berkaitan di Negara Ketiga dan Organisasi Antarabangsa.

## **PERKARA 43**

### **JAWATANKUASA ASEAN DI NEGARA KETIGA DAN ORGANISASI ANTARABANGSA**

1. Jawatankuasa ASEAN di Negara Ketiga boleh ditubuhkan di negara bukan ASEAN yang terdiri daripada ketua perwakilan diplomatik bagi Negara Anggota ASEAN. Jawatankuasa yang serupa boleh ditubuhkan berhubungan dengan organisasi antarabangsa. Jawatankuasa sedemikian hendaklah memajukan kepentingan dan identiti ASEAN di negara tuan rumah dan organisasi antarabangsa.
2. Mesyuarat Menteri Luar ASEAN hendaklah menentukan peraturan tatacara bagi Jawatankuasa sedemikian.

## **PERKARA 44**

### **STATUS PIHAK LUAR**

1. Dalam menjalankan hubungan luar ASEAN, Mesyuarat Menteri Luar ASEAN boleh memberikan pihak luar status formal sebagai Rakan Kongsi Dialog, Rakan Kongsi Dialog Sektor, Rakan Kongsi Pembangunan, Pemerhati Khas, Tetamu, atau status lain yang boleh diwujudkan seterusnya.
2. Pihak luar boleh diundang untuk menghadiri mesyuarat atau aktiviti kerjasama ASEAN tanpa diberikan apa-apa status formal, menurut peraturan tatacara.

**PERKARA 45**  
**HUBUNGAN DENGAN SISTEM**  
**BANGSA-BANGSA BERSATU DAN ORGANISASI**  
**DAN INSTITUSI ANTARABANGSA YANG LAIN**

1. ASEAN boleh mendapatkan status yang bersesuaian dengan sistem Bangsa-Bangsa Bersatu dan juga dengan organisasi dan institusi subrantau, serantau dan antarabangsa yang lain.
2. Majlis Penyelarasan ASEAN hendaklah memutuskan mengenai penyertaan ASEAN dalam organisasi dan institusi subrantau, serantau dan antarabangsa yang lain.

**PERKARA 46**  
**PENTAULIAHAN NEGARA BUKAN ANGGOTA**  
**ASEAN KEPADA ASEAN**

Negara bukan Anggota ASEAN dan organisasi antara kerajaan yang berkaitan boleh melantik dan mentauliahkan Duta Besar ke ASEAN. Mesyuarat Menteri Luar ASEAN hendaklah membuat keputusan mengenai pentauliahkan itu.

## **BAB XIII PERUNTUKAN AM DAN AKHIR**

### **PERKARA 47 TANDATANGAN, RATIFIKASI, TEMPAT SIMPANAN DAN PERMULAAN KUAT KUASA**

1. Piagam ini hendaklah ditandatangani oleh kesemua Negara Anggota ASEAN.
2. Piagam ini hendaklah tertakluk kepada ratifikasi oleh kesemua Negara Anggota ASEAN mengikut tatacara dalaman mereka masing-masing.
3. Surat cara ratifikasi hendaklah disimpan dengan Setiausaha Agung ASEAN yang hendaklah dengan segera memberitahu kesemua Negara Anggota tentang setiap simpanan itu.
4. Piagam ini hendaklah mula berkuat kuasa pada hari yang ketiga puluh selepas tarikh simpanan surat cara ratifikasi yang kesepuluh dengan Setiausaha Agung ASEAN.

### **PERKARA 48 PINDAAN**

1. Mana-mana Negara Anggota boleh mencadangkan pindaan kepada Piagam ini.

2. Pindaan yang dicadangkan kepada Piagam ini hendaklah dikemukakan oleh Majlis Penyelarasan ASEAN melalui konsensus kepada Sidang Kemuncak ASEAN untuk keputusannya.
3. Pindaan kepada Piagam ini yang dipersetujui melalui konsensus oleh Sidang Kemuncak ASEAN hendaklah diratifikasikan oleh kesemua Negara Anggota mengikut Perkara 47.
4. Sesuatu pindaan itu hendaklah mula berkuat kuasa pada hari yang ketiga puluh selepas tarikh simpanan surat cara ratifikasi yang terakhir dengan Setiausaha Agung ASEAN.

## **PERKARA 49 TERMA RUJUKAN DAN PERATURAN TATACARA**

Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam Piagam ini, Majlis Penyelarasan ASEAN hendaklah menentukan terma rujukan dan peraturan tatacara dan hendaklah memastikan keselarasannya .

## **PERKARA 50 KAJIAN SEMULA**

Piagam ini boleh dikaji semula lima tahun selepas Piagam ini mula berkuat kuasa atau sebagaimana yang ditentukan oleh Sidang Kemuncak ASEAN.

## **PERKARA 51 TAFSIRAN PIAGAM**

1. Atas permintaan oleh mana-mana Negara Anggota, tafsiran Piagam ini hendaklah dibuat oleh Sekretariat ASEAN mengikut peraturan tatacara yang ditentukan oleh Majlis Penyelarasan ASEAN.
2. Apa-apa pertikaian yang berbangkit daripada tafsiran Piagam ini hendaklah diselesaikan mengikut peruntukan yang berkaitan dalam Bab VIII.
3. Judul dan tajuk yang digunakan dalam keseluruhan Piagam ini adalah bagi maksud rujukan sahaja.

## **PERKARA 52 KESINAMBUNGAN UNDANG-UNDANG**

1. Segala triti, konvensyen, perjanjian, persetujuan, perisytiharan, protokol dan surat cara ASEAN yang lain yang telah berkuat kuasa sebelum Piagam ini mula berkuat kuasa hendaklah terus sah.
2. Jika berlaku ketidakselarasan antara hak dan obligasi Negara Anggota ASEAN di bawah surat cara itu dengan Piagam ini, Piagam ini hendaklah dipakai.

### **PERKARA 53 TEKS ASAL**

Teks asal Piagam ini dalam bahasa Inggris yang bertandatangan hendaklah disimpan dengan Setiausaha Agung ASEAN, yang hendaklah mengadakan salinan terperaku kepada setiap Negara Anggota.

### **PERKARA 54 PENDAFTARAN PIAGAM ASEAN**

Piagam ini hendaklah didaftarkan oleh Setiausaha Agung ASEAN dengan Sekretariat Bangsa-Bangsa Bersatu, menurut Perkara 102, perenggan 1 Piagam Bangsa-Bangsa Bersatu.

### **PERKARA 55 ASET ASEAN**

Aset dan dana Organisasi hendaklah terletak hak atas nama ASEAN.

Dibuat di Singapura pada Dua Puluh Hari Bulan November Tahun Dua Ribu Tujuh, dalam satu teks asal dalam bahasa Inggeris.

Bagi Brunei Darussalam:

**HAJI HASSANAL BOLKIAH**

Sultan Brunei Darussalam

Bagi Kerajaan Kemboja:

**SAMDECH HUN SEN**

Perdana Menteri

Bagi Republik Indonesia:

**DR. SUSILO BAMBANG YUDHOYONO**

Presiden

Bagi Republik Demokratik Rakyat Lao:

**BOUASONE BOUPHAVANH**

Perdana Menteri

Bagi Malaysia:

**DATO' SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI**

Perdana Menteri



Bagi Kesatuan Myanmar:

**JENERAL THEIN SEIN**

Perdana Menteri

Bagi Republik Filipina:

**GLORIA MACAPAGAL-ARROYO**

Presiden

Bagi Republik Singapura:

**LEE HSIEN LOONG**

Perdana Menteri

Bagi Kerajaan Thailand:

**JENERAL SURAYUD CHULANONT (B)**

Perdana Menteri

Bagi Republik Sosialis Viet Nam:

**NGUYEN TAN DUNG**

Perdana Menteri

## LAMPIRAN 1

### BADAN MENTERI SEKTOR ASEAN

#### I. KOMUNITI POLITIK-KESELAMATAN ASEAN

1. Mesyuarat Menteri Luar ASEAN (AMM)
  - Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN (ASEAN SOM)
  - Jawatankuasa Tetap ASEAN (ASC)
  - Mesyuarat Pegawai Kanan tentang Rancangan Pembangunan (SOMDP)
  
2. Suruhanjaya tentang Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara (Suruhanjaya SEANWFZ)
  - Jawatankuasa Eksekutif Suruhanjaya SEANWFZ
  
3. Mesyuarat Pertahanan ASEAN (ADMM)
  - Mesyuarat Pegawai Kanan Pertahanan ASEAN (ADSOM)
  
4. Mesyuarat Menteri Undang-Undang ASEAN (ALAWMM)
  - Mesyuarat Pegawai Kanan Undang-Undang ASEAN (ASLOM)

5. Mesyuarat Menteri ASEAN tentang Jenayah Rentas Negara (AMMTC)
  - Mesyuarat Pegawai Kanan tentang Jenayah Rentas Negara (SOMTC)
  - Pegawai Kanan ASEAN tentang Perkara Dadah (ASOD)
  - Mesyuarat Ketua Pengarah Jabatan Imigresen dan Ketua Bahagian Hal Ehwal Konsular Kementerian Hal Ehwal Luar (DGICM)
  
6. Forum Serantau ASEAN (ARF)
  - Mesyuarat Pegawai Kanan Forum Serantau ASEAN (ARF SOM)

## **II. KOMUNITI EKONOMI ASEAN**

1. Mesyuarat Menteri Ekonomi ASEAN (AEM)
  - Pasukan Petugas Peringkat Tinggi tentang Integrasi Ekonomi ASEAN (HLTF-EI)
  - Mesyuarat Pegawai Kanan Ekonomi (SEOM)
  
2. Majlis Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)
  
3. Majlis Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA)
  
4. Mesyuarat Menteri Kewangan ASEAN (AFMM)
  - Mesyuarat Timbalan Kewangan dan Bank Pusat ASEAN (AFDM)

- Mesyuarat Ketua Pengarah Kastam ASEAN (Customs DG)
5. Mesyuarat Menteri ASEAN tentang Pertanian dan Perhutanan (AMAF)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan Menteri ASEAN tentang Pertanian dan Perhutanan (SOM-AMAF)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN tentang Perhutanan (ASOF)
  6. Mesyuarat Menteri ASEAN tentang Tenaga (AMEM)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan tentang Tenaga (SOME)
  7. Mesyuarat Menteri ASEAN tentang Galian (AMMin)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN tentang Sumber Galian (ASOMM)
  8. Mesyuarat Menteri ASEAN tentang Sains dan Teknologi (AMMST)
    - Jawatankuasa tentang Sains dan Teknologi (COST)
  9. Mesyuarat Menteri Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat ASEAN (TELMIN)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan Telekomunikasi dan Teknologi Maklumat (TELSOM)

- Majlis Pengawal selia Telekomunikasi ASEAN (ATRC)
10. Mesyuarat Menteri Pengangkutan ASEAN (ATM)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan Pengangkutan (STOM)
  11. Mesyuarat Menteri Pelancongan ASEAN (M-ATM)
    - Mesyuarat Organisasi Pelancongan Kebangsaan ASEAN (ASEAN NTOs)
  12. Kerjasama Pembangunan Lembangan Mekong ASEAN (AMBDC)
    - Jawatankuasa Pemandu Kerjasama Pembangunan Lembangan Mekong ASEAN (AMBDC SC)
    - Jawatankuasa Kewangan Peringkat Tinggi (HLFC)
  13. Pusat Tenaga ASEAN
  14. Pusat ASEAN-Jepun di Tokyo

### **III. KOMUNITI SOSIO-BUDAYA ASEAN**

1. Menteri ASEAN yang Bertanggungjawab bagi Maklumat (AMRI)

- Mesyuarat Pegawai Kanan Yang Bertanggungjawab bagi Maklumat (SOMRI)
2. Menteri ASEAN yang Bertanggungjawab bagi Kebudayaan dan Kesenian (AMCA)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan bagi Kebudayaan dan Kesenian (SOMCA)
  3. Mesyuarat Menteri Pelajaran ASEAN (ASED)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan tentang Pelajaran (SOM-ED)
  4. Mesyuarat Menteri ASEAN tentang Pengurusan Bencana (AMMDM)
    - Jawatankuasa ASEAN tentang Pengurusan Bencana (ACDM)
  5. Mesyuarat Menteri ASEAN tentang Alam Sekitar (AMME)
    - Pegawai Kanan ASEAN tentang Alam Sekitar (ASOEN)
  6. Persidangan Pihak-Pihak kepada Perjanjian ASEAN tentang Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (COP)
    - Jawatankuasa di bawah COP kepada Perjanjian ASEAN tentang Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan
  7. Mesyuarat Menteri Kesihatan ASEAN (AHMM)

- Mesyuarat Pegawai Kanan tentang Pembangunan Kesihatan (SOMHD)
8. Mesyuarat Menteri Buruh ASEAN (ALMM)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan Buruh (SLOM)
    - Jawatankuasa ASEAN tentang Pelaksanaan Perisytiharan ASEAN mengenai Perlindungan dan Penggalakan Hak Pekerja Migran
  9. Menteri ASEAN tentang Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (AMRDPE)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan tentang Pembangunan Luar Bandar dan Pembasmian Kemiskinan (SOMRDPE)
  10. Mesyuarat Menteri ASEAN tentang Kebajikan dan Pembangunan Sosial (AMMSWD)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan tentang Kebajikan dan Pembangunan Sosial (SOMS WD)
  11. Mesyuarat Menteri ASEAN tentang Belia (AMMY)
    - Mesyuarat Pegawai Kanan Tentang Belia (SOMY)
  12. Persidangan ASEAN tentang Perkara-Perkara Perkhidmatan Awam (ACCSM)

13. Pusat Biodiversiti ASEAN (ACB)
14. Pusat Penyelarasan Bantuan Kemanusiaan mengenai pengurusan bencana ASEAN (Pusat AHA)
15. Pusat Maklumat Gempa Bumi ASEAN
16. Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASMC)
17. Rangkaian Universiti ASEAN (AUN)



## LAMPIRAN 2

### ENTITI YANG BERKAITAN DENGAN ASEAN

#### I. AHLI PARLIMEN

Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA)

#### II. ORGANISASI PERNIAGAAN

Mesyuarat Penerbangan ASEAN

Perikatan Persatuan Makanan Kesihatan Tambahan (AAHSA)

Persekutuan Automotif ASEAN (AAF)

Persatuan Jurubank ASEAN (ABA)

Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC)

Forum Perniagaan ASEAN (ABF)

Dewan Perniagaan dan Industri ASEAN (ASEAN-CCI)

Majlis Industri Kimia ASEAN

Persekutuan Industri Tekstil ASEAN (AFTEX)

Majlis Industri Perabot ASEAN (AFIC)

Majlis Insurans ASEAN (AIC)

Persatuan Harta Intelek ASEAN (ASEAN IPA)

Persatuan Lapangan Terbang Antarabangsa ASEAN (AAA)

Persekutuan Industri Besi & Keluli ASEAN

Kelab Farmaseutikal ASEAN  
Persatuan Pelancongan ASEAN (ASEANTA)  
Persekutuan Persatuan Ekonomi ASEAN (FAEA)  
Persekutuan Majlis Penghantar Muatan ASEAN  
Majlis Perniagaan AS-ASEAN

### **III. KUMPULAN PEMIKIR DAN INSTITUSI AKADEMIK**

Rangkaian ASEAN-ISIS

### **IV. ORGANISASI MASYARAKAT AWAM BERTAULIAH**

Akademik Sains, Kejuruteraan dan Teknologi ASEAN  
(ASEAN CASE)

Akademi Kejuruteraan dan Teknologi ASEAN (AAET)

Persatuan Sains Makmal Klinikal ASEAN (AACLS)

Persatuan Perancangan dan Perumahan ASEAN  
(AAPH)

Persatuan Ahli Radiologi ASEAN (AAR)

Gabungan Catur ASEAN (ACC)

Gabungan Majikan ASEAN (ACE)

Gabungan Organisasi Wanita ASEAN (ACWO)

Persekutuan Pembina ASEAN (ACF)

Persatuan Kosmetik ASEAN (ACA)

Majlis ASEAN untuk Alumni Jepun (ASCOJA)  
Majlis Guru ASEAN (ACT)  
Persekutuan Psikiatri dan Kesihatan Mental ASEAN (AFPMH)  
Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA)  
Persekutuan Kontraktor Kejuruteraan Elektrik ASEAN (AFEEC)  
Persekutuan Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN (AFEO)  
Persekutuan Kelab Penerbangan ASEAN (AFFC)  
Persekutuan Persatuan Pengangkut ASEAN (AFFA)  
Persekutuan Yayasan Jantung ASEAN (AFHF)  
Persekutuan Ukur Bumi dan Geomatik ASEAN (ASEAN FLAG)  
Persekutuan Persatuan Perlombongan ASEAN (AFMA)  
Persekutuan Perikanan ASEAN (AFF)  
Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF)  
Kelab Industri Produk Perhutanan ASEAN (AFPIC)  
Persatuan Penuntut Perhutanan ASEAN (AFSA)  
Persatuan Penggalakan dan Pembangunan Kraftangan ASEAN (AHPADA)  
Majlis Layang-Layang ASEAN (AKC)

Persatuan Undang-Undang ASEAN (ALA)

Persatuan Penuntut Undang-Undang ASEAN (ALSA)

Persatuan Industri Muzik ASEAN (AMIA)

Persatuan Neurosurgikal ASEAN (ANS)

Gabungan NGO ASEAN tentang Penuaan

Organisasi Bukan Kerajaan ASEAN bagi Pencegahan Dadah dan Salah Guna Bahan

Kumpulan Pengilang Oleokimia ASEAN (AOMG)

Persatuan Ortopedik ASEAN (AOA)

Persekutuan Pediatrik ASEAN (APF)

Persekutuan Sukan Paralimpik ASEAN (APSF)

Pertubuhan Pelabuhan ASEAN (APA)

Persatuan Talasemia ASEAN (ATS)

Persatuan Jurunilai ASEAN (AVA)

Kelab Minyak Sayuran ASEAN (AVOC)

Rakan Perkongsian Asia bagi Pembangunan Modal Insan di Luar Bandar Asia (AsiaDHRRA)

Jawatankuasa bagi Kerjasama Belia ASEAN (CAYC)

Persekutuan Jurutera Perunding ASEAN (FACE)

Persekutuan Organisasi Perhubungan Awam ASEAN (FAPRO)

Persekutuan Persatuan Pemilik Kapal ASEAN (FASA)

Persatuan Perubatan Jawatankuasa Negara Asia Tenggara (MASEAN)

Persatuan Reumatisme ASEAN (RAA)

Institut Serantau Asia Tenggara bagi Komuniti dan Pendidikan (SEARICE)

Yayasan Program Pertukaran Serantau bagi Pengajian Asia Tenggara (SEASREP)

Gabungan Veteran Negara-Negara ASEAN (VECONAC)

## **V. PIHAK BERKEPENTINGAN LAIN DALAM ASEAN**

ASEANAPOL

Persekutuan Institut Sains dan Teknologi Makanan di ASEAN (FIFSTA)

Pusat Pembangunan Perikanan Asia Tenggara (SEAFDEC)

Kumpulan Kerja bagi Mekanisme Hak Asasi Manusia ASEAN

## LAMPIRAN 3

### BENDERA ASEAN



Bendera ASEAN menggambarkan ASEAN yang stabil, aman damai, bersatu dan dinamik. Warna Bendera – biru, merah, putih dan kuning – menggambarkan warna utama bendera kesemua Negara Anggota ASEAN.

Biru melambangkan keamanan dan kestabilan. Merah menggambarkan keberanian dan dinamisme. Putih menunjukkan kesucian dan kuning melambangkan kemakmuran.

Tangkai padi menggambarkan impian Bapa Pengasas ASEAN bagi suatu ASEAN yang terdiri daripada semua negara di Asia Tenggara yang terikat dengan persahabatan dan perpaduan. Bulatan menggambarkan kesatuan ASEAN.

Spesifikasi Warna Panton yang diterima pakai bagi warna Bendera ASEAN ialah:

- Biru : Panton 19-4053 TC
- Merah : Panton 18-1655 TC
- Putih : Panton 11-4202 TC
- Kuning : Panton 13-0758 TC

Bagi versi bercetak, spesifikasi warna (kecuali putih) akan mengikuti spesifikasi bagi warna Lambang ASEAN, iaitu:

- Biru : Panton 286 atau  
Warna Proses 100C 60M 0Y 6K
- Merah : Panton Merah 032 atau  
Warna Proses 0C 91M 87Y 0K
- Kuning : Proses Panton Kuning atau  
Warna Proses 0C 0M 100Y 0K

Nisbah lebar dengan panjang Bendera ialah dua kepada tiga, dan spesifikasi saiz bagi Bendera yang berikut adalah:

- Bendera Meja : 10 sm x 15 sm
- Bendera Bilik : 100 sm x 150 sm
- Bendera Kereta : 10 sm x 30 sm
- Bendera Padang : 200 sm x 300 sm

## LAMPIRAN 4

### LAMBANG ASEAN



Lambang ASEAN menggambarkan ASEAN yang stabil, aman damai, bersatu dan dinamik. Warna Lambang – biru, merah, putih dan kuning – yang menggambarkan warna utama gencana kesemua Negara Anggota ASEAN.

Biru melambangkan keamanan dan kestabilan. Merah menggambarkan keberanian dan dinamisme. Putih menunjukkan kesucian dan kuning melambangkan kemakmuran.

Tangkai padi menggambarkan impian Bapa Pengasas ASEAN bagi suatu ASEAN yang terdiri daripada kesemua negara di Asia Tenggara yang terikat dengan persahabatan dan perpaduan. Bulatan menggambarkan kesatuan ASEAN.



Spesifikasi Warna Pantone yang diterima pakai bagi warna Lambang ASEAN ialah:

Biru : Pantone 286  
Merah : Merah Pantone 032  
Kuning : Proses Pantone Kuning

Bagi proses cetakan empat warna, spesifikasi warna ialah:

Biru : 100C 60M 0Y 6K (100C 60M 0Y 10K)  
Merah : 0C 91M 87Y 0K (0C 90M 90Y 0K)  
Kuning : 0C 0M 100Y 0K

Spesifikasi dalam kurungan hendaklah digunakan apabila warna proses penyukatan secara sembarangan tidak dapat dilakukan.

Dalam Simulator Warna Proses Pantone, spesifikasinya bersamaan dengan:

Biru : Pantone 204-1  
Merah : Pantone 60-1  
Kuning : Pantone 1-3

Fon yang digunakan bagi perkataan “ASEAN” dalam Lambang ialah huruf kecil Helvetica dicetak tebal.

